



GARIS PANDUAN

PENDAFTARAN PERNIKAHAN
LUAR NEGARA
DI NEGERI PERLIS

BAHAGIAN PENGURUSAN KELUARGA ISLAM
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS
(JAIPs)

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PERNIKAHAN LUAR NEGARA JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS (JAIPs)

1. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan sebagai panduan kepada pemohon, pegawai dan kakitangan JAIPs yang menguruskan pendaftaran pernikahan luar negara berdasarkan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006 (Pindaan) 2017 [Enakmen 7] Negeri Perlis.

2. RUJUKAN

- 2.1 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006 (Pindaan 2023) [Enakmen 7]
- 2.2 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Perlis 2006 [Enakmen 5]
- 2.3 Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis (Borang dan Fi) 2023
- 2.4 Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Perakuan Pemastautinan) Negeri Perlis 2023
- 2.5 Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis (Pengkompaunan Kesalahan) 2024

3. SINGKATAN

- 3.1 JAIPs: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis
- 3.2 MAIPs: MAIPs Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
- 3.3 BPKI: Bahagian Pengurusan Keluarga Islam
- 3.4 BPGK: Bahagian Penguatkuasaan
- 3.5 OYDS: Orang Yang Disyaki
- 3.6 UUKI 2006: Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006 (Pindaan 2023) [Enakmen 7]
- 3.7 ETJS 2006: Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Perlis 2006 [Enakmen 5]

4. PROSES PERMOHONAN PENDAFTARAN NIKAH LUAR NEGARA

Permohonan pendaftaran pernikahan luar negara adalah tertakluk di bawah Seksyen 31 UUKI 2006.

4.1 SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN

Bagi tujuan pendaftaran pernikahan luar negara, pemohon hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Beragama Islam
- ii. Tinggal di negeri Perlis atau bermastautin di negeri Perlis.
- iii. Telah berkahwin di luar negara dengan sah mengikut Hukum Syarak.
- iv. Pernikahan tersebut bukan yang didaftarkan di bawah Seksyen 24 UUKI 2006.
- v. Permohonan dibuat dalam masa enam bulan selepas tarikh perkahwinan tersebut
- vi. Pemohon dan pasangan, atau salah seorang hendaklah hadir sendiri di hadapan Pendaftar.

4.2. PROSEDUR PERMOHONAN

4.2.1. Pemohon hendaklah mengisi **Borang M** (Fi bayaran RM5.00 tertakluk Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang dan Fi) 2023) beserta mengemukakan dokumen berikut:

- i. Salinan Kad Pengenalan atau Pasport
- ii. Dokumen mastautin di negeri Perlis
- iii. Surat perakuan nikah luar negara
- iv. Surat akuan sumpah (Borang A) yang diperakukan di negeri Perlis sahaja
- v. Salinan Dokumen perjalanan/ pasport
- vi. Gambar nikah (jika ada)
- vii. Salinan Sijil cerai/sijil kematian suami asal (jika pemohon atau pasangan adalah janda atau balu)
- viii. Surat perakuan konsulat

4.2.2. Borang M beserta dokumen sokongan hendaklah dihantar ke kaunter BPKI JAIPs.

4.2.3. Pemohon dan pasangan akan ditemu duga oleh Pendaftar mengikut giliran pendaftaran yang ditetapkan.

4.2.4. Hanya Pendaftar yang boleh mengecualikan kehadiran salah satu pihak semasa membuat pendaftaran dan sebab ketidakhadiran akan direkodkan dalam Daftar Perkahwinan, Seksyen 31(3) UKKI 2006.

5. PERMOHONAN PERAKUAN MASTAUTIN

5.1. Bagi pemohon yang tidak tinggal di negeri Perlis, boleh membuat permohonan mastautin berdasarkan kaedah Perakuan Pemastutin Negeri Perlis 2023.

5.2. Permohonan mastautin hendaklah menggunakan borang-borang berikut:

i. **Borang 1:**

- a. Bagi pemohon yang bermastautin di negeri Perlis tetapi alamat kad pengenalan selain di Perlis;
- b. Bagi pemohon yang beralamat di Perlis, tempoh menetap akan diambil kira oleh JAIPs/ Jawatankuasa Kariah Negeri Perlis;
- c. Pemohon perlu mengemukakan bukti rumah atau saksi yang mengesahkan tinggal di Negeri Perlis;
- d. Akuan Sumpah daripada Pesuruhjaya Sumpah (Akta Akuan Berkanun 1960)
- e. Fi bayaran RM20.00 di MAIPs, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Perakuan Pemastautin Negeri Perlis 2023

ii. **Borang 2:**

- a. Bagi pemohon yang bukan menetap di negeri Perlis
- b. Pemohon perlu mengemukakan Akuan Sumpah daripada Pesuruhjaya Sumpah (Akta Akuan Berkanun 1960).
- c. Fi bayaran RM1,500.00 di MAIPs, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Perakuan Pemastautin Negeri Perlis 2023

5.3 Seseorang itu dikira bermastautin apabila dia berada di dalam negeri Perlis melebihi lima (5) hari selaras dengan keputusan Fatwa Warta No.99 Tahun 2020.

- 5.4 Selain tujuan pendaftaran nikah luar Negara, sijil mastautin tersebut turut boleh digunakan bagi semua urusan di bawah UUKI 2006.
- 5.5 Pemohon hendaklah hadir sendiri bagi membuat permohonan.
- 5.6 Sijil Perakuan Mastautin dikeluarkan oleh MAIPs dan tempoh sah selama 30 hari dari tarikh sijil dikeluarkan.

6. PERMOHONAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN LUAR NEGARA MELEBIHI TEMPOH YANG DITETAPKAN DI BAWAH UUKI 2006

- 6.1 Bagi permohonan pendaftaran pernikahan luar negara yang melebihi tempoh enam bulan dari tarikh perkahwinan, maka pemohon telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 35 Enakmen yang sama.
- 6.2 Pendaftar hendaklah membuat aduan dalam Borang 5 (Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Perlis 2006) dan dipanjangkan ke BPGK.
- 6.3 Siasatan akan dijalankan dan tawaran kompaun dikeluarkan berdasarkan Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Pengkompaunan Kesalahan) Negeri Perlis 2024.
- 6.4 Tawaran kompaun dikemukakan kepada OYDS menggunakan Borang 2.
- 6.5 Jika OYDS bersetuju menerima tawaran kompaun, Borang 3 akan dikeluarkan.
- 6.6 OYDS hendaklah membuat pembayaran di kaunter hasil JAIPs atau secara dalam talian setelah menerima Borang 3. Pembayaran sebelum daripada itu adalah tidak diambil kira dan tidak akan dikembalikan.
- 6.7 Bayaran kompaun adalah dalam tempoh 30 hari dari hari tawaran dikeluarkan. Jika OYDS tidak dapat membayar dalam tempoh tersebut, OYDS boleh membuat rayuan pelanjutan tempoh pembayaran.
- 6.8 Sekiranya bayaran gagal dibuat dalam tempoh tersebut, OYDS akan didakwa ke Mahkamah Syariah tanpa notis selanjutnya.
- 6.9 Borang 3 dan resit bayaran kompaun hendaklah dikemukakan ke BPKI JAIPs untuk proses pendaftaran perkahwinan.
- 6.10 Pendaftar akan mencatatkan nombor resit pembayaran kompaun dan direkodkan dalam fail pemohon.
- 6.11 Pendaftar akan memberi notis bayaran fi pendaftaran perkahwinan luar Negara di kaunter hasil.

- 6.12 Fi pendaftaran perkahwinan luar negara yang perlu dibayar adalah RM230.00 tertakluk Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang dan Fi) 2023.
- 6.13 Resit pembayaran fi pendaftaran perkahwinan luar Negara hendaklah dikemukakan ke BPKI dan sijil nikah akan dikeluarkan dalam tempoh minima dua minggu.
- 6.14 Kad Perakuan Nikah akan dikeluarkan berdasarkan permohonan dan fi bayaran kad adalah RM50.00 untuk sepasang, tertakluk Kaedah-Kaedah Undang-Undang Keluarga Islam (Borang dan Fi) 2023.

7. TANGGUNGJAWAB

7.1 Pegawai dan kakitangan JAIPs:


- i. Hendaklah mematuhi undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan.
- ii. Hendaklah menyemak dan meneliti dokumen yang dikemukakan memenuhi senarai semak yang ditetapkan.
- iii. Memastikan kehadiran pemohon di hadapan Pendaftar
- iv. Memastikan pemohon mengisi buku daftar kehadiran pemohon di kaunter
- v. Hendaklah memastikan segala transaksi pembayaran menggunakan akaun jabatan sahaja.

7.2 Pemohon:

- i. Hendaklah hadir sendiri di kaunter bagi tujuan permohonan.
- ii. Bagi permohonan mastautin, hendaklah berada di negeri Perlis melebihi lima hari.

8. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah terpakai dan berkuat kuasa mulai **1 Julai 2025**.



(MAIZURA BINTI SHAMSUDDIN)

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis

Tarikh: 1 Julai 2025 bersamaan 5 Muharam 1447H